02/11/1999

Naik, turun harga saham biasa: PM

Jamhariah Jaafar; Hizral Tazzif Hisham

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kejatuhan atau kenaikan pasaran saham adalah perkara biasa, terutama menyusuli pelbagai pengumuman yang dibuat pihak berkaitan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi nasihatnya agar pelabur membuat keputusan berdasarkan keuntungan sebenar syarikat dan tidak perlu terlalu bimbang dengan kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejatuhan saham di BSKL hari ini berikutan keputusan Morgan Stanely Capital International Inc menangguhkan penyertaan semula Malaysia ke dalam indeks petunjuknya.

Pada asalnya, Malaysia dijadual dimasukkan semula ke dalam MSCI pada 29 Februari 2000, tetapi ditangguhkan sehingga 31 Mei 2000. Perkembangan itu membawa kepada jualan besar-besaran dengan Indeks Komposit susut 11.39 mata untuk ditutup kepada 731.48, hari ini.

Menurut MSCI, penangguhan selama tiga bulan itu ialah untuk mengelakkan ketidak-tentuan pasaran dan kebimbangan sama ada terdapat gangguan sistem komputer pada tahun lompat di mana Februari tahun depan mempunyai 29 hari. Ini berlaku sekali dalam empat tahun.

Terdahulu, dalam ucapannya sempena lawatan rasmi beliau ke Mimos Berhad di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, Dr Mahathir berkata Mimos akan terus memainkan peranan utama bagi pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk membantu negara mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Oleh itu, sokongan yang diberi kerajaan kepada Mimos bukan kerana Mimos memerlukan bantuan tetapi kerana rakyat dan negara memerlukannya," katanya.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri dibawa melawat pameran dunia elektronik, pusat semikonduktor Mimos (MySem) dan Mimos Smart Computing Sdn Bhd - anak syarikat Mimos.

Dalam sidang akhbar selepas lawatan itu, Dr Mahathir yang ditanya mengenai telefoni Internet pula berkata kerajaan masih membahaskan sama ada lesen perlu dikeluarkan bagi syarikat yang menyediakan perkhidmatan Internet.

"Kami ingin mengkaji bagaimana mereka (syarikat telekomunikasi tempatan) tidak akan rugi, sebab mereka menyedia pelbagai infrastruktur... mereka berhak untuk mendapat sedikit keuntungan," katanya.

Mengenai kesukaran syarikat IT mendapat pinjaman bank, Perdana Menteri berkata bank sepatutnya menjadi pemodal teroka dan mengkaji pembiayaan untuk perusahaan baru.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Umno tidak pernah mengarahkan ahlinya atau sesiapapun untuk mendedahkan penyelewengan yang dilakukan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kesediaan beberapa pemimpin Umno untuk membuat pendedahan itu selepas bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, membuat akuan bersumpah yang mendakwa Anwar memiliki 20 akaun induk bank berjumlah RM3 bilion untuk mencapai cita-cita politiknya.

"Kalau atas arahan parti, lama dah kita arah. Tapi banyak orang nampak Murad ini berani... mereka pun jadi berani," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata beliau tidak pasti sama ada lebih

ramai pemimpin termasuk Menteri Besar, akan tampil membuat pendedahan seumpama itu.

Dengan memberi contoh ketika Anwar menentang Tun Ghafar Baba dahulu (untuk jawatan timbalan presiden Umno), Dr Mahathir berkata, ramai orang mendakwa pemilihan itu mempunyai unsur sogokan, tapi orang yang menerima tidak menceritakannya.

Katanya, Ghafar ketika itu agak popular, terutama di Sabah, tetapi "tiba-tiba hampir tidak ada langsung bahagian Umno di Sabah yang mencalonkan Ghafar. Itu sentiasa jadi misteri kepada saya."

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, baru-baru ini, Dr Mahathir juga berkata Umno mempunyai bukti Anwar menggunakan wang untuk menyogok bahagian Umno supaya beliau dicalonkan.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada pendedahan Murad memberi petanda terbaik bagi beliau mengumumkan pilihan raya, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada masanya sesuai (untuk umum pilihan raya)."

Perdana Menteri juga sempat mengusik wartawan selepas sidang akhbar itu dengan berkata: "Bagaimana hendak mengadakan pilihan raya jika saya demam."

Dr Mahathir mengalami demam selsema dan berikutan itu, beliau turut membatalkan acaranya untuk melawat Kelab Golf dan Peranginan Mines di Pusat Peranginan Mines pada sebelah petang.

(END)